

Newspaper	Berita Harian
Date	19 August 2015

Malaysia bukan negara gagal, huru-hara: Najib

» *Generasi muda diminta waspada propaganda songsang*

Oleh Irwan Shafrizan Ismail
irwansha@bh.com.my

Putrajaya

Datuk Seri Najib Razak menegaskan Malaysia bukan sebuah negara yang gagal dan meminta generasi muda berhati-hati dengan label serta stigma cuba disuntik oleh musuh Islam yang sengaja mahu membubarkan negara ini.

Perdana Menteri turut menggesa generasi muda supaya tidak sewenang-wenangnya menjadi pembawa berita bahawa negara ini sedang menuju ke jalan songsang, baik daripada perspektif ekonomi mahupun politik.

Beliau juga kesal kerana generasi muda seakan lebih percaya kepada propaganda dan label buruk yang dibawa sebahagian media berkepentingan sebagai *failed state* (negara gagal) dan *rogue nation* (negara huru-hara), malah nama Malaysia diburukkan dengan sewenang-wenangnya.

“Apakah Malaysia layak digelar *failed state* sekiranya setiap hari pentadbiran yang ada menjaga matlamat maqasid syariah. Apakah kita ‘negara gagal’ bilamana Malaysia hampir berada di tempat teratas dalam banyak kerangka penilaian seperti *The Global Competitiveness Report* (Laporan Persaingan Global) ataupun *World Bank Report of Doing Business* (Laporan Mudah Menjalankan Perniagaan Bank Dunia).”

“Cukup ironi apabila negara yang dikatakan *failed state* ini mengungguli *The Global Islamic Economy Indicator* (Petunjuk Ekonomi Islam Global) 2014-2015... kajian meliputi 70 negara Islam yang mana Malaysia mendahului dengan margin besar dari sudut nilai ekosistem ekonomi Islam.

Perjuangkan ‘norma baharu’

“Saya berani mengatakan kita bukanlah kerajaan yang sempurna dalam segala-galanya, malah saya juga sedar jika tidak memperjuangkan ‘norma baharu’ yang dikehendaki generasi muda, saya juga boleh gagal memimpin,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika menyampaikan ucapan bertajuk ‘Wasatiyyah Sebagai Manhaj Generasi Muda Masa Kini’ pada Seminar Antarabangsa Wasatiyyah 2015 anju-

ran Institut Wasatiyyah Malaysia (IWM) di sini, semalam.

Yang turut hadir, Penasihat Agama Perdana Menteri yang juga Pengerusi IWM, Tan Sri Dr Abdullah Md Zin. Pada majlis sama, Perdana Menteri turut melancarkan empat buku terbitan terbaru IWM, termasuk satu daripada hasil karya beliau sendiri *Mermartabatkan Wasatiyyah*.

Seminar bertajuk ‘Islam dan Generasi Muda: Cabaran dan Harapan’ itu berlangsung selama dua hari berakhir hari ini dan dihadiri kira-kira 500 peserta.

Bersikap adil buat penilaian

Najib berkata, generasi muda perlu bersikap adil dalam

“**Suara rakyat akan saya santuni, suara generasi muda akan saya dengar dan hormati. Soalnya, jangan cagarkan keamanan negara demi kepentingan politik yang singkat**”

Najib Razak,
Perdana Menteri

membuat penilaian dan sanggahan serta turut menegaskan bahawa sebagai pemimpin, beliau tidak sama sekali menutup ruang untuk kritikan.

“Suara rakyat akan saya santuni, suara generasi muda akan saya dengar dan hormati. Soalnya, jangan cagarkan keamanan negara demi kepentingan politik yang singkat. Kita boleh berbeza pandangan, namun mesti dilakukan dalam keadaan saling hormat tanpa mencemarkan nama baik negara dan agama,” katanya.

Tambah beliau, selaras maksud wasatiyyah, generasi muda juga perlu mengambil sikap seimbang dalam menyanggah kerajaan dan pimpinan.

“Yang mana tidak baik, wajar disanggah dan ditegur, namun begitu jika ada aspek yang baik, jangan malu untuk mengangkatnya sebagai sesuatu yang baik dan membawa manfaat kepada rakyat... jadi akui yang baik, tegur yang tidak baik, itu baru adil,” katanya.

Perdana Menteri menegaskan, generasi muda Malaysia akan terus menjadi sebahagian yang amat penting kepada negara ini.

“Tidak ada satu pun perencanaan besar kerajaan yang menyetepikan atau menidakan kepentingan masa depan generasi muda,” katanya.

BH-19/8/2015